

# 'Lantik Tun M penasihat empat negeri bukan tak hormat Pusat'

MB Terengganu pertahan keputusan bagi tingkat tahap ekonomi negeri ditadbir PN

Oleh Faizul Azlan Razak  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Nerus:** Tindakan melantik Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat empat negeri ditadbir Perikatan Nasional (PN) bukannya tidak menghormati

Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, mengakui tidak faham dengan sesetengah pihak yang menganggap tindakan itu memberi isyarat tidak baik.

"Saya tidak faham kerana apa yang kita laksanakan mencari jalan sebanyak mungkin dengan pelbagai cara untuk meningkatkan tahap ekonomi untuk empat negeri yang ditadbir PN.

"Apa juga usaha yang kita buat. Adakah ini dikira tidak menghormati Kerajaan Persekutuan? Itu yang saya tidak faham sebab pada peringkat ini. Kita bekerja erat dengan Kerajaan Persekutuan dengan pelbagai agensi dan Kementerian.

"Jadi, saya tidak faham atau mungkin ia hasad dengki atau iri hati pihak tertentu," katanya yang ditemui selepas Majlis Perasmian Kompleks Pentadbiran Bandar Al-Wathiqu Billah Kuala Nerus, di sini semalam.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin merasmikan pusat pentadbiran itu.

Turut berangkat, Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah.

Mengulas lanjut, Ahmad Samsuri berkata, pihaknya percaya

perlu menggunakan pelbagai cara bagi mencapai objektif pembangunan dan ekonomi.

## **Tidak sentuh soal politik**

"Saya boleh katakan, dalam pertemuan pertama kerajaan negeri dengan Tun M baru-baru ini, sepanjang 40 minit pertemuan itu, satu pun tidak menyentuh soal politik, sebaliknya hanya bercakap soal pentadbiran dan bagaimana mahu meningkatkan ekonomi," katanya.

Ahmad Samsuri berkata, sebelum ini pada 2018, Terengganu turut melantik Allahyarham Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang pernah menjadi Menteri Besar Selangor untuk membantu melonjakkan ekonomi dan pembangunan negeri.

**"Dalam pertemuan pertama kerajaan negeri dengan Tun M baru-baru ini, sepanjang 40 minit pertemuan itu, satu pun tidak menyentuh soal politik, sebaliknya hanya bercakap soal pentadbiran dan bagaimana mahu meningkatkan ekonomi"**



*Ahmad Samsuri Mokhtar,  
Menteri Besar Terengganu*